

KERAJAAN MALAYSIA

IKLAN PRA-KELAYAKAN PEMBIDA

1. Kerajaan Malaysia berhasrat mempelawa tender secara *Request for Proposal (RFP)* dari pembida-pembida yang layak melalui Pra-Kelayakan untuk projek **Pemasangan Sistem Solar Photovoltaic (PV) Bagi Pembekalan Tenaga Elektrik di Fasiliti Kesihatan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) Melalui Perjanjian Pembelian Tenaga di Zon 3 (Selangor).**

2. Keterangan Am Kerja

Projek bagi pembekalan tenaga elektrik melalui pemasangan Solar Photovoltaic (PV) di fasiliti kesihatan KKM melibatkan hospital/institusi/klinik/pejabat kesihatan daerah yang telah ditetapkan mengikut zon dengan anggaran kapasiti solar sebanyak **10MWp**. Pembida digalakkan untuk menilai penggunaan tenaga dengan teliti dan mencadangkan model yang bersesuaian sama ada secara *Self-Consumption (SELCO)* atau *Net Energy Metering (NEM)* berdasarkan keperluan khusus setiap fasiliti kesihatan KKM.

Lokasi tapak bina terletak di **Zon 3 (Selangor).**

Skop kerja bagi projek ini merangkumi kerja-kerja yang berikut:

Skop kerja yang terlibat termasuk menguruskan reka bentuk, pemasangan, pengoperasian dan penyelenggaraan sistem panel solar PV di seluruh fasiliti kesihatan KKM yang disasarkan. Proses reka bentuk perlu mengambil kira keperluan khusus tapak seperti penggunaan tenaga elektrik semasa, keluasan dan struktur bumbung/tempat letak kereta dan pematuhan kepada peraturan berkuat kuasa.

Tanggungjawab pihak pembida:

- Memberikan jaminan prestasi bagi memastikan tahap penjanaan tenaga solar dibekalkan seperti yang dipersetujui sepanjang tempoh kontrak;
- Bertanggungjawab ke atas reka bentuk, pemasangan, pengoperasian, penyelenggaraan dan pembaikan bagi memastikan prestasi sistem yang optimum sepanjang tempoh kontrak;
- Mengemukakan laporan prestasi secara berkala yang memperincikan penjanaan tenaga elektrik, *downtime* dan sebarang perubahan pada sistem yang dipasang;
- Memastikan peraturan dan piawaian industri untuk keselamatan, operasi dan alam sekitar;
- Memastikan kerja-kerja yang dilaksanakan tidak mengganggu operasi dan perkhidmatan fasiliti kesihatan;
- Memastikan sah laku perlindungan insurans yang sesuai untuk sistem solar PV termasuk liabiliti dan insurans harta bagi sepanjang tempoh kontrak;
- Memastikan bil utiliti dikemukakan kepada pihak KKM dalam tempoh yang ditetapkan; dan
- Komited terhadap amalan penjagaan alam sekitar termasuk pengurusan pelupusan sisa dan meminimumkan jejak ekologi.

Kerja dijangka akan dimulakan dalam bulan **12** tahun **2024** dan tempoh penyiapan adalah **tujuh (7) bulan**.

3. Syarat-syarat untuk Pra-Kelayakan

Permohonan Pra Kelayakan ini adalah dibuka kepada pembida-pembida yang menepati syarat-syarat berikut: -

i. Pendaftaran Pembida

- Syarikat tempatan yang 100% milik warganegara tempatan;
- Pendaftaran dan sijil-sijil yang masih berkuatkuasa adalah seperti berikut:
 - Sijil Pendaftaran Syarikat atau Sijil Pendaftaran Perniagaan dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) atas nama syarikat sendiri;
 - Sijil Aduan Pendaftaran Syarikat dengan Kementerian Kewangan (MOF) – 222801: Perkhidmatan Teknologi Hijau atas nama syarikat sendiri; **dan**
 - Pendaftaran *Registered PV Investor (RPVI)* dengan *The Sustainable Energy Development Authority (SEDA)* atas nama syarikat sendiri.
- Setiap pendaftaran seperti di perenggan b (i), (ii) dan (iii) di atas hendaklah masih berkuat kuasa sekurang-kurangnya melebihi tiga (3) bulan dari tarikh tutup Pra-Kelayakan.

ii. Keupayaan Pembida

a) Keupayaan Kewangan

Mempunyai *Nett Worth* melebihi **RM 6,400,000.00** atau Modal Pusingan (*Working Capital*) melebihi **RM 3,200,000.00** atau Modal Mudah Cair melebihi **RM 960,000.00**

b) Keupayaan Teknikal

- Kriteria pembida yang dipilih hendaklah mempunyai pengalaman yang **serupa atau sebanding** dengan Nilai Tahunan Keseluruhan Kerja (NTKK) tidak kurang dari **RM 9,600,000.00** yang telah dilaksanakan atau disiapkan di dalam tempoh lima (5) tahun lepas.
- Pembida hendaklah mempunyai pengalaman yang mencukupi iaitu yang serupa atau sebanding dengan skop kerja di dalam tempoh lima (5) tahun lalu serta berpengalaman sebagai petender utama dan melaksana dan menyiapkan projek Kerajaan. Namun begitu bagi kerja-kerja pakar, pengalaman sebagai sub-petender bagi projek Kerajaan boleh diambil kira.
- Pembida tidak mempunyai kerja semasa yang 'sakit' serta bebas daripada rekod prestasi yang tidak memuaskan dari segi tempoh penyiapan projek serta kualiti kerja yang dilaksanakan oleh pembida dalam tempoh lima (5) tahun lalu adalah memuaskan.

***Serupa – Kerja yang diliputi oleh kategori yang sama seperti kerja yang ditender (kepala/ sub kepala yang sama).**

***Sebanding – Kerja yang diliputi oleh kategori yang berlainan daripada kerja yang ditender.**

iii. Perunding Pembida

Pembida dikehendaki melantik perunding-perunding yang bertauliah seperti berikut:

- a) Berdaftar dengan Lembaga Profesional yang berkenaan.
- b) Berdaftar dengan Kementerian Kewangan.
- c) Berpengalaman dalam rekabentuk sistem solar PV.

- iv. Dokumen Pra Kelayakan boleh diperolehi di pejabat **Kaunter Tender dan Sebut Harga, Bahagian Perolehan dan Penswastaan, Kementerian Kesihatan Malaysia, Aras 7, Blok E7, Kompleks E, Presint 1, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62590 Putrajaya** mulai **1 Ogos 2024** hingga **22 Ogos 2024** semasa waktu pejabat.
- v. Dokumen pra-kelayakan hanya akan dikeluarkan kepada wakil atau ejen pembida yang diberi kuasa sahaja. Wakil atau ejen dikehendaki mengemukakan bukti pendaftaran RPVI dari SEDA dengan menunjukkan sijil/perakuan pendaftaran ASAL.
- vi. Harga dokumen ialah **RM50.00 (Ringgit Malaysia: Lima Puluh Sahaja)** senaskah dan hendaklah dibuat dalam bentuk Wang Pos/Kiriman Wang atau Draf Bank di atas nama **Ketua Setiausaha, Kementerian Kesihatan Malaysia** dan dipalang 'Akaun Pembayar Sahaja'. Yuran dokumentasi ini tidak akan dikembalikan.
- vii. Permohonan hendaklah dikemukakan dalam sampul surat berlakri dengan dinyatakan nama projek dan dimasukkan ke dalam Peti Tender di pejabat berikut: -

Kaunter Tender dan Sebut Harga, Bahagian Perolehan dan Penswastaan, Kementerian Kesihatan Malaysia, Aras 7, Blok E7, Kompleks E, Presint 1, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62590 Putrajaya tidak lewat dari jam **12.00 tengah hari** pada **22 Ogos 2024**.

NOTA: PEROLEHAN INI TIDAK TERTAKLUK KEPADA OBLIGASI PERJANJIAN ANTARABANGSA/FREE TRADE AGREEMENT (FTA)